

## **TERMA DAN SYARAT**

### **PROGRAM PENUKARAN BAKI KAD KREDIT-i BANK ISLAM (BIC-i)**

Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam ("BIC-i"). Ahli Kad-i adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat sebelum bersetuju untuk mengambil bahagian dan/atau menyertai program Penukaran Baki BIC-i.

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama dan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Islam.

Terminologi yang dirujuk di sini adalah sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Islam kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### **1. Program Penukaran Baki BIC-i**

- a. Program **Penukaran Baki BIC-i** adalah program yang menukarkan baki tertunggak Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada pelan pembayaran ansuran tetap pada kadar keuntungan yang lebih rendah untuk Ahli Kad-i yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2 di sini.
- b. Program **Penukaran Baki BIC-i** akan bermula dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

#### **2. Kelayakan**

- a. Ahli Kad-i yang memenuhi kriteria berikut adalah layak dan akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program Penukaran Baki BIC-i :
  - i. Baki tertunggak minimum ialah RM 1,000; dan
  - ii. Akaun Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020.
- b. Ahli Kad-i yang layak boleh menyertai program Penukaran Baki BIC-i dengan:
  - i. Menghantar perkhidmatan mesej ringkas (SMS) **YESPBA<jarak>NRIC** ke **66300**; atau
  - ii. Lengkapkan **Borang Permohonan Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam** dan hantar melalui emel ke **[bicc.customer.service@bankislam.com.my](mailto:bicc.customer.service@bankislam.com.my)**

- c. Bagi Ahli Kad-i yang tidak menjelaskan bayaran bulanan minimum selama 3 bulan berturut-turut (dan tidak tertunggak melebihi 90 hari), Ahli Kad-i akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program Penukaran Baki BIC-i dan baki tertunggak Ahli Kad-i akan ditukarkan kepada ansuran bulanan tiga puluh enam (36) bulan secara automatik.

### **3. Penukaran Kepada Program Penukaran Baki BIC-i**

- a. Hanya baki prinsipal transaksi runcit dan pengeluaran tunai yang tertunggak Ahli Kad-i akan ditukarkan kepada ansuran bulanan tiga puluh enam (36) bulan. Baki skim pembayaran ansuran (seperti Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP), Pelan Bayaran Ansuran (IPP) atau Pelan Penukaran Baki (ABC)) adalah tidak terpakai.
- b. Amaun minimum yang boleh ditukarkan ialah Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000).
- c. Baki tertunggak akan ditukarkan pada kadar keuntungan efektif tiga belas peratus (13%) setahun.
- d. Amaun yang ditukarkan adalah sebahagian daripada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Had Pembiayaan Kad-i Bank Islam untuk Ahli Kad-i akan dikembalikan secara berperingkat berdasarkan ansuran bulanan yang dibayar dan ia akan dikembalikan sepenuhnya jika pembayaran penuh dibuat.
- e. Ahli Kad-i boleh merujuk Klausula 5 di sini untuk memilih keluar daripada Program Penukaran Baki BIC-i.
- f. Penukaran kepada Program Penukaran Baki BIC-i hanya dibenarkan sekali sahaja dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.
- g. Tiada yuran dan caj dikenakan untuk penukaran.
- h. Dengan persetujuan Ahli Kad-i mendaftar dalam Program Penukaran Baki BIC-i, Ahli Kad-i bersetuju untuk pembaharuan Pembiayaan Kad-i Bank Islam bagi tempoh selama tiga (3) tahun yang berikutnya selepas tempoh matang Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

### **4. Pembayaran**

- a. Selepas penukaran kepada Program Penukaran Baki BIC-i berjaya, ansuran bulanan Pelan Penukaran Baki BIC-i akan bermula pada bulan berikutnya dan ditunjukkan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

- b. Ansuran bulanan Pelan Penukaran Baki BIC-i adalah sebahagian daripada bayaran bulanan minimum Ahli Kad-i di dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Ansuran bulanan Pelan Penukaran Baki BIC-i adalah tetap dan hendaklah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran.
- c. Kegagalan untuk membayar ansuran bulanan secara penuh akan tertakluk kepada kadar keuntungan semasa Pembiayaan Kad-i dan Ta'widh kepada baki yang belum dibayar.
- d. Sekiranya terdapat kemungkiran dalam pembayaran terhadap semua wang terhutang di bawah Program Penukaran Baki BIC-i atau pembatalan Pembiayaan Kad-i Bank Islam, sebarang ansuran tertunggak atau baki wang yang belum dibayar di bawah Program Penukaran Baki BIC-i ini akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i.

#### 5. **Pembatalan atau Keluar Selepas Penukaran**

- a. Sekiranya Ahli Kad-i ingin membatalkan atau keluar dari Program Penukaran Baki BIC-i selepas penukaran kepada Program Penukaran Baki BIC-i, Ahli Kad-i boleh:
  - i. Menghantar perkhidmatan mesej ringkas (SMS) **NOPBA<jarak>NRIC** ke **66300**; atau
  - ii. Lengkapkan **Borang Permohonan Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam** dan hantar melalui emel ke **[bicc.customer.service@bankislam.com.my](mailto:bicc.customer.service@bankislam.com.my)**
- b. Amaun yang ditukar akan dikembalikan kepada Pembiayaan Kad-i Bank Islam dengan pembatalan Program Penukaran Baki BIC-i dan kadar keuntungan semasa Pembiayaan Kad-i akan dikenakan.

#### 6. **Penyelesaian Awal**

- a. Ahli Kad-i boleh menyelesaikan amaun tertunggak di bawah Program Penukaran Baki BIC-i sebelum tamat tempoh Program Penukaran Baki BIC-i. Bagi penyelesaian awal, Ahli Kad-i mesti membayar balik baki tertunggak bagi amaun penukaran berserta dengan caj keuntungan yang berkaitan, keuntungan terkumpul, Ta'widh dan semua wang lain yang perlu dibayar dan belum dibayar di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

## 7. **Terma dan Syarat Lain**

- a. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Islam. Sekiranya ada di antara terma dan syarat tersebut yang tidak konsisten, terma dan syarat ini akan diguna pakai berhubung dengan Program Penukaran Baki BIC-i.
- b. Jika Ahli Kad-i telah didaftarkan dalam Program Penukaran Baki BIC-i tetapi kemudiannya Bank Islam mendapati bahawa Ahli Kad-i adalah tidak layak atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat ini atau mana-mana Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Islam atau tidak mempunyai had pembiayaan yang mencukupi di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Bank Islam berhak untuk menarik balik penukaran Program Penukaran Baki BIC-i dan membatalkan pendaftaran Ahli Kad-i ke dalam Program Penukaran Baki BIC-i dan jumlah penukaran tersebut akan dikembalikan semula ke akaun Pembiayaan Kad-i Bank Islam seolah-olah penukaran itu tidak berlaku dan caj keuntungan biasa akan dikenakan.
- c. Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad-i bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layari laman web kami di <http://www.bankislam.com>.**